

13/03/1997

Dialog Fukuoka asas hubungan ke tahap baru

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucap-tama dalam Dialog Fukuoka di Kyushu, Jepun akhir bulan ini, yang membentuk sebahagian daripada forum antarabangsa.

Perdana Menteri dijadualkan berada di negara itu sempena lawatan rasmi lima hari, bermula 25 Mac, akan menyampaikan ucapan bertajuk Abad Digital: Peluang Kerjasama Di Antara Jepun Dan Malaysia di Dewan Simfoni Fukuoka, pada 28 Mac ini.

Presiden Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli), Mirzan Mahathir, memberitahu sidang akhbar hari ini, ucapan Perdana Menteri dan sidang dialog itu akan disiarkan dalam masa sebenar melalui Internet.

Menurutnya, Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto akan merasmikan forum itu, yang dijangka dihadiri kira-kira 1,800 peserta.

Forum berkenaan juga dijangka meletakkan hubungan dua hala Malaysia-Jepun ke tahap baru.

Selain Dr Mahathir, beberapa menteri Kabinet dan menteri besar dari Malaysia akan turut membentangkan kertas kerja dalam dialog itu.

Antara menteri Kabinet yang dijemput ialah Menteri Perindustrian dan Perdagangan Antarabangsa, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng yang akan memperkatakan mengenai Tele-perubatan dan Perubatan Pelancongan: Cabaran dan Peluang.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid pula akan menyentuh aspek Implikasi Sosial Ke Atas Rakyat Asia Berikutan Era Digit - Melihat Kepada Cabaran Masa Depan, manakala Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, membentangkan kertas kerja Rakan Bijak Dalam Mewujudkan Peluang Baru Dalam Pengeluaran, Komunikasi dan Pembangunan Sumber Manusia Untuk Abad Digital.

Mirzan berkata, Dialog Fukuoka bertujuan merapatkan hubungan ekonomi dan perniagaan antara kedua-dua negara di samping menggalakkan industri kecil dan sederhana Jepun melabur di Malaysia, terutama dalam bidang membabitkan Teknologi Maklumat (IT).

"Selain itu, dialog berkenaan juga bertujuan memperluas pembabitan Jepun dalam Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya.

Dialog anjuran Asli, Pusat Perniagaan Asia (ABC) dan akhbar Nishinippon itu juga akan dapat menemukan masyarakat perniagaan kedua-dua negara, pegawai kerajaan, penyedia perkhidmatan, pembekal dan pelaksana korporat di rantau Asia.

Sehubungan itu, Mirzan meminta syarikat tempatan supaya menyertai dialog itu bagi mengambil kesempatan untuk menjalin usaha sama dengan rakan perniagaan dari Jepun, terutama dalam bidang IT.

Berdasarkan statistik, Jepun menjadi pelabur asing terbesar Malaysia dengan jumlah pelaburan mereka meningkat 91.2 peratus, daripada RM2.3 bilion pada 1995 kepada RM4.4 bilion, tahun lalu. Perniagaan Malaysia bersama negara itu pula mencapai lebih daripada RM76.5 juta.

Sementara itu, Presiden ABC, Kenji Takimoto, berkata sempena dialog itu, satu sesi khas mengenai MSC akan diadakan dengan Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah akan memperkatakan mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) - Peluang Bertaraf Dunia Untuk Ahli Perniagaan Jepun'.

(END)